

UNISSA ANJUR HARI ANTARABANGSA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Hari Antarabangsa UNISSA dengan tema 'Jati Diri dan Semangat Antarabangsa', bertempat di Auditorium UNISSA (atas dan atas kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Seramai 137 dari 15 buah negara yang menjadikan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai destinasi pengajian telah diraikan pada Majlis Hari Antarabangsa UNISSA dengan tema 'Jati Diri dan Semangat Antarabangsa' bertempat di Auditorium UNISSA, hari ini.

Majlis yang dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Antarabangsa (UHEA), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) tersebut dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat.

Acara diisikan dengan Pameran Kebudayaan daripada negara-negara asal pelajar

antarabangsa di UNISSA iaitu dari Singapura, Indonesia, Thailand, Republik Arab Mesir, China, Jepun, Pakistan, Palestin, Nepal, Maghribi, Nigeria, Ghana, Kenya dan Gambia.

Antara yang ditampilkan ialah tradisi pakaian, makanan dan juga permainan tradisional.

Turut memeriahkan acara ialah Forum Sesi Perkongsian Pelajar Antarabangsa, terdiri ahli panelnya, Abdul Syukor Samoh,

iaitu pelajar Tahun 4 Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam yang berasal dari Thailand dan Puteri Sabariah binti Ayob iaitu pelajar Tahun 3 Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam yang berasal dari Singapura.

Acara juga disenikan dengan tayangan video dan Persembahan Sketsa daripada pelajar antarabangsa yang disaksikan sama penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, para

pensyarah serta para mahasiswa UNISSA.

Objektif majlis ini adalah untuk mempamerkan pelbagai budaya dan latar belakang yang berbeza dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Selain itu juga, ia menyatukan perpaduan di antara pelajar antarabangsa dengan pelajar tempatan melalui perkongsian adat tradisi negara dan juga pengalaman sepanjang mengikuti pengajian di UNISSA.